salam@uitm
www.uitm.edu.my
edisi 2016
Bil. 01 Jan-Jun 2016



60 TAHUN UiTM • 1956 - 2016

MELONJAK UiTM DI PERSADA GLOBAL

Ekspo Selangkah Ke UiTM 2016

Karnival Pendidikan Tinggi Negara

Majlis Pelancaran iM4U

FSPU Raih Kemenangan Peringkat Kebangsaan

YBhg. Prof Emeritus Dato' Dr Hassan Said Naib Canselor UiTM Yang Baharu

UiTM Cemerlang di ITEX 2016

Sambutan 100 HARI PENTADBIRAN NAIB CANSELOR & KONFERENSI AKADEMIK 2016




# *Majlis* Apresiasi dan Penyampian WATIKAH PELANTIKAN CEO FACULTY 2016

15 Mac 2016 - Majlis Apresiasi dan Penyampian Watikah Pelantikan CEO Faculty 2016 telah berlangsung di Grand Ballroom, Hilton Hotel. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Dr Ahmad Zahid Hamidi. Turut hadir dalam majlis ini ialah Naib Canselor UiTM, Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said dan juga wakil-wakil UiTM.

CEO Faculty Program yang diperkenalkan oleh KPT dan telah wujud sejak tahun lalu memberi manfaat bukan sahaja kepada industri malah mahasiwa turut diberi pendedahan dan motivasi dalam kebolehpasaran graduan. Program CEO Faculty hasil cetusan idea YB Menteri Pendidikan Tinggi merupakan program yang terbukti berkesan melahirkan graduan yang seimbang dari segi pendidikan dan sahsiah.

CEO yang dilantik untuk UiTM ialah Datuk Seri Syed Zainal, Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah (CEO PNB) dan Datuk Seri Fateh Iskandar (CEO Media Prima Berhad). Seramai 31 CEO dari tokoh industri swasta, syarikat berkaitan kerajaan dan pegawai tinggi kerajaan turut menerima watikah pelantikan CFP ini. Usaha KPT ini adalah sebahagian daripada objektif kerajaan untuk memberi pengiktirafan global kepada Universiti Awam.



MALAYSIA
#sehatisejiwa

Sambutan Hari

# KEMERDEKAAN 2016

## Merdeka...! Merdeka...! Merdeka...!

#Sehati Sejiwa



KONSEP & REKA BENTUK:
BAHAGIAN CANSELERI DAN KOMUNIKASI KORPORAT